



"VAKSIN IKHTIAR TERBAIK".1

<p>الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: قُلْ لَنْ يُصِيبَنَا إِلَّا مَا كَتَبَ اللَّهُ لَنَا هُوَ مَوْلَانَا وَعَلَى اللَّهِ فَلْيَتَوَكَّلِ الْمُؤْمِنُونَ ﴿٥١﴾</p>	2
<p>أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ</p>	3
<p>أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ! أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ ﴿١٠٤﴾</p>	4
<p>Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,</p> <p>Saya berpesan kepada diri saya dan hadirin jemaah sekalian marilah bersama-sama kita memperkasakan ketakwaan kita kepada Allah SWT dengan sebenar-benar takwa dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita mengecapi kebahagiaan didunia dan diakhirat.</p>	5
<p>Mimbar pada hari ini akan membicarakan khutbah yang bertajuk "VAKSIN IKHTIAR TERBAIK."</p> <p>Hadirin yang berbahagia sekalian,</p>	6



<p>Apabila kita ditimpa penyakit, jalan penyelesaian yang terbaik adalah berikhtiar dengan membulatkan tekad dan keyakinan segala penyakit dan kesembuhan datangnya daripada Allah SWT. Vaksin merupakan salah satu usaha dan ikhtiar dalam rawatan perubatan. Kaedah ini merupakan suatu langkah awal pencegahan penyakit yang efektif di era moden. Pengambilan vaksin dapat menjadikan antibodi lebih kuat semasa berhadapan dengan Covid-19. Ini kerana, mencari ubat dan berubat merupakan amalan yang dituntut dalam ajaran Islam. Lebih-lebih lagi konsep ini selari dengan prinsip maqasid Syariah dengan keutamaan memelihara nyawa. Ia menjadi suatu tanggungjawab bagi seorang Muslim untuk mencari rawatan alternatif demi memelihara nyawa yang bertepatan dengan kaedah fiqh yang melarang perbuatan berbahaya dan memberikan kemudahan kepada orang di persekitarannya, sama ada keluarga dan masyarakat.</p>	7
<p style="text-align: center;">لَا ضَرَرَ وَلَا ضِرَارَ</p> <p><i>“Tidak ada sebarang mudarat dan tidak ada juga perbuatan membalas kemudahan.”</i></p> <p>Hadirin sekalian,</p>	8
<p>Selaras dengan dasar kerajaan untuk memerangi wabak Covid-19 tindakan kerajaan pada hari ini komited mengutamakan keselamatan masyarakat agar tidak terdedah dengan bahaya wabak penyakit. Ini dapat dilihat dengan usaha-usaha kerajaan mendukung sepenuhnya pelaksanaan Program Imunisasi Covid-19. Program Imunisasi Covid-19 merupakan kempen vaksinasi kebangsaan yang dilaksanakan sebagai langkah proaktif untuk membendung dan menamatkan penularan wabak Covid-19 apabila berjaya mencapai imunisasi kelompok. Ini kerana, matlamat utama pengambilan vaksin untuk menjaga kebajikan dan kepentingan umum. Ia merupakan rawatan alternatif terbaik dalam dunia perubatan hari ini. Keputusan ini berdasarkan kajian dan pertimbangan rasional yang bertepatan dengan syariat Islam yang mempromosikan kemaslahatan umum.</p>	9



<p>Sabda Nabi SAW dalam hadis daripada Abi Darda Radiallahu'anh:</p> <p style="text-align: center;">فَتَدَاوُوا وَلَا تَدَاوُوا بِحَرَامٍ</p> <p><i>"Maka berubatlah kamu dan jangan berubat dengan benda yang haram."</i></p>	10
<p>Program vaksinasi ini tidak boleh dianggap sebagai menyekat hak kebebasan individu semata-mata kerana ia merupakan usaha dan langkah mengekang penularan wabak Covid-19 agar masyarakat dapat kembali hidup secara normal. Secara tidak langsung ia dapat memulihkan negara yang terkesan dari sudut sosial dan ekonomi serta membina keyakinan dan jaminan keselamatan komuniti menjalani aktiviti kehidupan sosial pada masa akan datang.</p> <p>Muslimin yang dikasihi Allah SWT sekalian,</p>	11
<p>Realitinya, sejak kebelakangan ini timbul pelbagai andaian dan kekeliruan dalam kalangan masyarakat berhubung pengambilan vaksin dengan tohmahan dan fakta berita yang kurang tepat disebar di media-media sosial. Ia seolah-olah menggambarkan pengambilan vaksin dianggap tidak selari dengan hukum dan syariat Islam. Pelbagai tuduhan yang dilemparkan oleh penghasut tegar anti vaksin secara emosi terhadap penggunaan vaksin menjadikan masyarakat mula terpengaruh dan mempercayai dakyah tersebut. Akhirnya, timbullah persepsi kenapa perlu mengambil vaksin sedangkan virus masih boleh dijangkiti.</p>	12
<p>Apa yang perlu diketahui, hukum penggunaan vaksin Covid-19 dalam kalangan masyarakat Islam diputuskan harus dan wajib diambil selaras dengan resolusi Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam (MKI) ke-10 yang telah bersidang pada 3 Disember 2020. Ini kerana, keutamaan pencegahan sebelum penularan dapat dibendung dengan lebih menyeluruh. Selain itu, pengambilan vaksin dilihat dapat menjaga kebajikan dan kepentingan umum bukan individu tertentu.</p>	13



<p>Ia memerlukan sokongan dan kerjasama orang ramai untuk menjayakannya kerana sudah terbukti secara saintifik bahawa individu yang tidak divaksin boleh menyebabkan orang lain lebih mudah dijangkiti Covid-19. Pengambilannya telah disarankan oleh pakar-pakar dalam bidang kesihatan yang mengetahui dan memahami bahaya dan cara pencegahan penyakit ini. Manakala, penolakan vaksin bukan sahaja membahayakan diri sendiri bahkan mencetuskan kemudaratan kepada orang lain.</p>	14
<p>Selain itu, fakta kajian membuktikan pengambilan vaksin Covid-19 dengan dos lengkap memberi 83% berkesan dalam mencegah kemasukan ke ICU. Manakala 88% berkesan dalam mencegah kematian. Begitu juga 88% berkesan mengurangkan risiko jangkitan dan 86% berkesan mengurangkan risiko jangkitan bergejala yang menjana lebih banyak kebaikan berbanding kemudaratan. Apa yang paling utama, pengambilan vaksin ini juga selari dengan ketetapan dan prinsip yang dipersetujui secara kolektif dan konsisten dari Jawatankuasa fatwa negeri-negeri di Malaysia.</p>	15
<p>Hadirin sidang Jumaat sekalian,</p> <p>Merujuk kepada Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor kali 1/2021 yang bersidang pada 09 Februari 2021 dan telah diperkenankan oleh D.Y.M.M Sultan Selangor pada 28 September 2021 telah memutuskan, hukum penggunaan vaksin Covid-19 adalah harus dan ianya wajib diambil oleh golongan yang ditetapkan oleh kerajaan.</p>	16



<p>Justeru, pada kesempatan ini, khatib ingin berpesan kepada semua jemaah agar akur dengan perintah pihak berkuasa dalam menyertai Program Vaksinasi Covid-19. Sebarkan pemahaman yang betul kepada masyarakat dengan berikhtiar melalui vaksinasi jangan sampai sudah kalah baru berkubu. Begitu juga, jauhilah perbuatan provokasi dan memanipulasi fakta di media-media sosial dengan mempertikaikan penyampaian maklumat kerajaan semata-mata untuk kepentingan agenda peribadi sehingga mempengaruhi orang lain. Jadilah warganegara yang bertanggungjawab bukan penghasut untuk kesejahteraan ummah. Sudah pasti, dengan berikhtiar pasti ada penawar di sebalik setiap penyakit yang diturunkan oleh Allah SWT. Kita dituntut untuk merawat penyakit namun perlu mengambil jalan pencegahan terlebih dahulu seperti suntikan vaksin sebelum terkena wabak atau sebarang penyakit.</p>	17
<p>Hayatilah hadis Rasulullah SAW daripada Jabir bin Abdillah Radiallahu'anhu:</p> <p style="text-align: center;">لِكُلِّ دَاءٍ دَوَاءٌ، فَإِذَا أُصِيبَ دَوَاءُ الدَّاءِ بَرَأَ بِإِذْنِ اللَّهِ عَزَّ وَجَلَّ</p>	18
<p><i>"Setiap penyakit itu ada penawarnya. Maka apabila penawar itu kena pada penyakitnya, nescaya ia akan sembuh dengan izin Allah 'Azza wa Jalla."</i></p> <p style="text-align: right;"><i>(Riwayat Muslim).</i></p>	19



<p>Hadirin yang dirahmati Allah SWT,</p> <p>Kesimpulan khutbah yang dapat kita ambil pengajarannya pada hari ini adalah:</p> <ol style="list-style-type: none">1. Umat Islam hendaklah berikhtiar mencari jalan penyelesaian yang terbaik apabila ditimpa penyakit dengan membulatkan tekad dan keyakinan bahawa segala penyakit dan kesembuhan datangnya daripada Allah SWT.2. Umat Islam hendaklah sedar bahawa Program pengambilan vaksin Covid-19 menunjukkan keprihatinan dan keutamaan kerajaan dalam menjaga kebaikan dan kepentingan masyarakat awam.3. Setiap Muslim wajib mentaati pemerintah selagi mana ianya dilakukan demi kemaslahatan umat dan negara.	<p>20</p>
<p style="text-align: center;">أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ</p> <p style="text-align: center;">يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَأُولِي الْأَمْرِ</p> <p style="text-align: center;">مِنْكُمْ فَإِن تَنَزَعْتُمْ فِي شَيْءٍ فَرُدُّوهُ إِلَى اللَّهِ وَالرَّسُولِ إِن كُنتُمْ تُؤْمِنُونَ</p> <p style="text-align: center;">بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ ذَلِكَ خَيْرٌ وَأَحْسَنُ تَأْوِيلًا ﴿٥٩﴾</p>	<p>21</p>
<p><i>“Wahai orang-orang yang beriman, taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kamu kepada Rasulullah dan kepada "Ulil-Amri" (orang-orang yang berkuasa) dari kalangan kamu. Kemudian jika kamu berbantah-bantah (berselisihan) dalam sesuatu perkara, maka hendaklah kamu mengembalikannya kepada (Kitab) Allah (Al-Quran) dan (Sunnah) RasulNya - jika kamu benar beriman kepada Allah dan hari akhirat. Yang demikian adalah lebih baik (bagi kamu), dan lebih elok pula kesudahannya.</i></p> <p style="text-align: right;"><i>(Surah al-Nisa' : 59).</i></p>	<p>22</p>



بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.	29
أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ	30



KHUTBAH KEDUA

<p>الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.</p>	1
<p>اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.</p>	2
<p>أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.</p>	3
<p>Sekali lagi khatib ingin mengingatkan supaya sama-sama kita sentiasa bertaqwa kepada Allah SWT dengan mengawasi diri dan keluarga kita daripada perbuatan keji dan maksiat. Dalam masa yang sama kita terus berdoa agar seluruh negara kita sentiasa dirahmati dan dilindungi daripada segala bentuk ancaman serta penularan wabak Covid-19.</p>	5
<p>Mudah-mudahan kita tergolong dalam kalangan hamba-hamba Allah yang bersabar ketika menempuh segala penyakit yang menimpa, berdisiplin dengan sentiasa mematuhi SOP dan ambillah pengajaran atas apa yang berlaku, berhati-hati dan beringatlah selalu walau kita diberi sedikit kebebasan untuk bergerak. Ini kerana Negara masih memerangi wabak Covid-19 ini demi keselamatan diri kita serta masyarakat keseluruhannya.</p>	7
<p>Bagi yang terkesan dengan wabak ini, janganlah mengambil jalan mudah dengan memudarut dan menyakiti diri sendiri. Kita mestilah berjiwa besar, sabar dan kuat mental serta fizikal berasaskan keimanan yang mantap.</p>	8



Marilah sama-sama kita memperbanyakkan selawat ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW kerana perintah Allah dalam firman-Nya :	9
إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾	10
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا وَمَوْلَانَا مُحَمَّدٍ سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنْ أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ وَأَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّاتِهِ أَجْمَعِينَ.	11
اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.	12
اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَهْلِكَ الْكُفْرَةَ وَالْمُبْتَدِعَةَ وَالْمُشْرِكِينَ وَدَمَّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ. وَأَنْصُرْنَا عَلَى الْقَوْمِ الْكَافِرِينَ.	13
اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى، وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى، أَنْ تَحْفَظَ بَعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةَ، وَبِحِفْظِ وَقَايَتِكَ الصِّمْدَانِيَّةَ،	14
جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعْظَمِ، سُلْطَانَ سَلَاطِينِ، سُلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ اَدْرِيسِ شَاهِ الْحَاجِ ابْنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانَ صَلَاحِ الدِّينِ عَبْدِ الْعَزِيزِ شَاهِ الْحَاجِ.	15



<p>اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعُونَ وَالْهَدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لِيَوْلِيَّ عَهْدِ سِلاَعُورَ، تَغْكُو أَمِيرَ شَاهِ ابْنِ السُّلْطَانِ شَرْفِ الدِّينِ ادریس شاه الحاج،</p>	16
<p>فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنِّكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اللَّهُمَّ أَطْلُ عُمْرَهُمَا مُصْلِحَيْنِ لِلْمُوظَّفَيْنِ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرِّشَادِ.</p>	17
<p>Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha Berkuasa, kami bersyukur kehadiran-Mu yang telah mengurniakan rahmat dan keberkatan kepada negeri ini yang terus sejahtera dan maju, serta rakyatnya bersatu padu, dibawah naungan dan pimpinan raja kami sebagai Ketua Agama Islam di negeri ini.</p>	18
<p>Ya Allah, jadikanlah kami ini hamba-hamba-Mu yang sentiasa meninggikan kalimah dan Agama-Mu. Hindarilah kami dari kelompok dan golongan yang suka mencela, mencaci dan menghina Agama-Mu</p>	19
<p>Ya Allah, kurniakanlah petunjuk kepada kami untuk mendirikan solat fardu lima waktu secara berjemaah, menunaikan zakat melalui Lembaga Zakat Selangor, mewakaf harta melalui Perbadanan Wakaf Selangor dan menginfakkan harta pada Tabung Infak Jariah Umat Islam Selangor (TIJARI) dan kepada anak-anak yatim melalui Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE).</p>	20
<p>اللَّهُمَّ يَا دَافِعَ الْبَلَاءِ، اذْفَعْ عَنَّا هَذَا الْوَبَاءَ وَالْبَلَاءَ وَالْمَرَضَ وَالشَّدَائِدَ وَالْمِحْنَ، بِلُطْفِكَ يَا لَطِيفُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ وَبِالْإِجَابَةِ جَدِيرٌ.</p>	21



<p>رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّاتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ ﴿٢٠١﴾.</p>	22
<p>عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾</p>	23
<p>فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُوا لَهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.</p>	24



*Khutbah Jumaat 15 Okt. 2021M / 8 Rabiulawwal 1443H: "Vaksin Ikhtiar Terbaik".
Jabatan Agama Islam Selangor*